



KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN KETERJAMINAN MAKANAN



# **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN DI BAWAH PERUNTUKAN PERSEKUTUAN JABATAN PERTANIAN**

## **– PINDAAN –**

**Pindaan di bawah Para 13 - Pemantauan Projek,**

**Para 13.3.2 - Pemantauan Projek di Lapangan muka surat 9**

*(Pindaan merujuk kepada surat bernombor JP.PCN 207/690/2 JLD 4 (8) bertarikh 22 Mac 2024)*

**(KEMASKINI MEI 2024)**

**Pindaan di bawah Para 13 - Pemantauan Projek, Para 13.3.2 - Pemantauan Projek di Lapangan muka surat 9**

*(Pindaan merujuk kepada surat bernombor JP.PCN 207/690/2 JLD 4 (8) bertarikh 22 Mac 2024)*

**13. Pemantauan Projek**

**13.3.2 Pemantauan Projek di Lapangan**

- a. Pasukan Pemantauan Ibu Pejabat yang terdiri daripada Pasukan Pemantauan yang terdiri daripada Unit Pemantauan Bahagian Perancangan Strategik, Pengarah Bahagian, Pengarah Pertanian Negeri, *Owner* Projek, Pasukan Pemantauan Ibu Pejabat di negeri dan Kuasa Usaha di negeri akan menjalankan pemantauan berdasarkan Format A yang telah disediakan mengikut projek.
- b. Kaedah Pemantauan boleh dijalankan melalui lawatan ke lapangan atau secara atas talian mengikut kesesuaian. Surat rasmi akan dikeluarkan untuk memaklumkan tarikh lawatan serta senarai projek yang akan dilawati.
- c. Pasukan Pemantauan menjalankan pemantauan ke atas prestasi kewangan dan fizikal projek di lapangan. Menilai sejauh mana projek yang dilawati mematuhi prosedur pelaksanaan projek bagi mencapai objektif projek, membantu mengenalpasti isu dan masalah pelaksanaan projek serta langkah-langkah penambahbaikan dan memantau penggunaan teknologi atau inovasi yang diaplikasikan.
- d. Semua isu yang dibincangkan dan cadangan tindakan susulan perlu dicatatkan di dalam Borang Laporan Lawatan Pemantauan oleh pasukan pemantau. Bagi projek fizikal, laporan pemantauan hendaklah di laporkan di dalam Borang Laporan Pemantauan Projek Fizikal. Laporan hasil lawatan pemantauan ini perlu dikemukakan kepada Unit Pemantauan, Bahagian Perancangan Strategik.
- e. Seterusnya, hasil laporan ini akan dibentang semasa Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Jabatan Pertanian sekiranya terdapat keperluan untuk memutuskan tindakan susulan bagi isu-isu dan masalah yang masih belum diselesaikan serta mengambil langkah pencegahan bagi mengelakkan sesuatu isu daripada berulang.